

D662

U B689 BAH
MAHATHIR - EROPAH TIMUR R'R'R'

ALOR SETAR, 23 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PERKEMBANGAN DI EROPAH TIMUR KEBELAKANGAN INI, YANG MENYAKSIKAN KEBANGKITAN RAKYAT MENENTANG PEMERINTAHAN DIKTATOR KOMUNIS, ADALAH SUATU PERKEMBANGAN YANG BAIK UNTUK DEMOKRASI.

BELIAU BERKATA, INI MENUNJUKKAN PEMERINTAHAN KOMUNIS DI BEBERAPA NEGARA EROPAH TIMUR, TERMASUK HUNGARY, JERMAN TIMUR DAN POLAND, TIDAK LAGI POPULAR DI KALANGAN RAKYATNYA.

+KITA SUKA MEREKA MENENTANG ... KERANA KITA TIDAK SUKA DIKTATOR KOMUNIS,+ KATANYA SEMASA BERUCAP PADA PERHIMPUNAN YANG DIHADIRI OLEH KIRA-KIRA 2,000 ORANG KAKITANGAN KERAJAAN DAN BADAN BERKANUN DI DEWAN DATUK SYED OMAR DI SINI, PETANG INI.

INILAH PERTAMA KALI PERDANA MENTERI MENGULAS SECARA TERBUKA PERGOLAKAN PRO-DEMOKRASI YANG TERCETUS DI EROPAH TIMUR, YANG ANTARA LAIN TELAH MENYAKSIKAN RATUSAN RIBU RAKYAT JERMAN TIMUR LARI KE JERMAN BARAT DAN TEMBOK BERLIN, YANG MEMISAHKAN KEDUA-DUA NEGARA JERMAN ITU, DIISYTIHARKAN TERBUKA BEBAS.

WALAUPUN MALAYSIA GEMBIRA DENGAN PERKEMBANGAN ITU TETAPI IA TIDAK PULA SUKA MELIHAT KEADAAN KUCAR-KACIR DI NEGARA-NEGARA TERSEBUT, YANG BERPUNCA DARIPADA HILANGNYA KEYAKINAN RAKYAT TERHADAP KERAJAAN, KATA PERDANA MENTERI.

-- LAGI

1945MST 23 11 89

D664

U B690 BAH
MAHATHIR - EROPAH TIMUR 2 ALOR SETAR R'R'R'

+KITA BERHARAP KEADAAN TIDAK TENTERAM ITU AKAN DAPAT DIPULIHKAN DAN KITA BERHARAP AKHIRNYA MEREKA AKAN MENGAMALKAN SISTEM DEMOKRASI,+ KATA BELIAU.

DALAM UCAPANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR TURUT MENERANGKAN SERBA SEDIKIT ERTI SISTEM PEMERINTAHAN DIKTATOR, YANG MENURUTNYA HANYA BERLAKU APABILA TAMPUK KEKUASAAN DIPEGANG OLEH SATU PIHAK SAHAJA.

DIKTATOR JUGA, KATANYA, MEMPUNYAI +JENTERA ATAU ALAT+ UNTUK MENJAMIN IA SENTIASA DI TAMPUK PEMERINTAHAN, DAN SANGGUP MEMBUNUH RAKYAT BIASA DEMI UNTUK MENGEKALKAN KUASA, SEHINGGA TIDAK ADA ORANG YANG BERANI MENENTANGNYA.

-- BERNAMA

1947MST 23 11 89